

# Syor wujud daftar graduan dalam talian



Mungkin universiti boleh mendirikan satu sistem 'barcode' pada transkrip akademik dan ia boleh diperiksa secara mudah di laman web universiti"

**Daing Nasir Ibrahim,**  
Timbalan Pengerusi  
Jawatankuasa Naib  
Canselor/Rektor



Sudah tiba masanya untuk kerajaan menubuhkan pusat yang disertai semua universiti untuk mendepositkan semua data akademik mahasiswa"

**Samsuddin Bardan,**  
Pengarah Eksekutif MEF

**Kuala Lumpur:** Setiap universiti perlu mewujudkan satu daftar graduan yang mesra pengguna bagi memudahkan orang ramai menyemak kelayakan akademik individu.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor, **Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim**, berkata daftar graduan secara digital berkenaan perlu dibangunkan dalam usaha memastikan tiada pihak yang cuba menipu atau mengemukakan kelayakan akademik palsu sehingga mencemarkan nama institusi pendidikan.

"Setiap universiti mempunyai pendaftaran sendiri yang membolehkan orang ramai memeriksa secara manual, sama ada individu itu graduan daripada universiti berkenaan atau sebaliknya, namun usaha membangunkan perkara itu secara dalam talian amat baik."

"Mungkin universiti boleh mendirikan satu sistem 'barcode' pada

transkrip akademik dan ia boleh diperiksa secara mudah di laman web universiti," katanya.

Mengulas mengenai penjualan kelayakan akademik palsu seperti ijazah dan diploma, Dr Daing berkata, itu sudah berlaku sejak sekian lama, namun semakin kritis kebelakangan ini.

## Hab kelayakan akademik

Sementara itu, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) minta kerajaan menubuhkan satu hab semakan kelayakan akademik bagi memastikan tiada pihak yang bertindak menipu kelayakan itu dalam permohonan kerja.

Pengarah Eksekutif MEF, Datuk Samsuddin Bardan, berkata penubuhan pusat itu perlu sebagai rujukan bagi memudahkan majikan menyemak ketulenan data akademik yang diserahkan permohonan.

Setakat ini, beliau berkata, majikan perlu membuat permohonan

nan kepada setiap universiti dan ada universiti yang tidak mampu memberi penjelasan berhubung ketulenan sijil dengan tempoh yang singkat.

## Makan masa semak data

"Untuk menyemak data sedemikian memakan masa yang panjang dan tidak praktikal jika pengambilan pekerja mahu dilakukan dengan cepat dan jika mengikut prosedur biasa, ia mendatangkan kerugian kepada majikan."

"MEF berasaskan sudah tiba masanya untuk kerajaan menubuhkan sebuah pusat yang disertai semua universiti untuk mendepositkan semua data akademik mahasiswa mereka," katanya.

Samsuddin berkata, kesulitan yang dihadapi majikan juga turut membabitkan graduan dari universiti luar negara kerana mereka sukar untuk mendapatkan pengesahan ketulenan akademik pemohon.